

Nasional, Ahad, 3 Mei 2020 | 1:25pm



Aktiviti pendakian masih belum dibenarkan walaupun kerajaan ada memberi kelonggaran kepada aktiviti riadah seperti jogging, berbasikal, badminton dan golf dibenarkan mulai esok.

Aktiviti pendakian, perkhemahan dalam hutan masih dilarang

KUALA LUMPUR: Sebarang aktiviti kegiatan pendakian, perkhemahan atau jungle trekking dalam hutan di seluruh Semenanjung tidak dibenarkan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Pengarah Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Mohd Yussainy Md Yusop, berkata ini kerana perkara itu antara senarai aktiviti yang dilarang Majlis Keselamatan Negara mengikut Perkara 17 Pengurusan Perhutanan.

"Perkara 17 Pengurusan Hutan, tidak membenarkan aktiviti eko pelancongan hutan dan latihan perhutanan. Sekatan ini membabitkan aktiviti seperti mendaki, menyelusuri air terjun atau mana-mana sukan lasak dalam hutan termasuk di Taman Eko Rimba (TER).

"Saya berharap orang ramai menghormati keputusan yang ditetapkan kerajaan walaupun terdapat permintaan tinggi supaya ia dibuka semula untuk kunjungan orang ramai selepas ditutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan Mac lalu," katanya kepada Bernama hari ini.

Mohd Yussainy berkata sekatan itu juga termasuk kepada aktiviti yang dilakukan secara berkumpulan atau berseorangan.

"Apabila ada banyak kumpulan kecil yang masuk dalam hutan, maka akan ramai juga jumlahnya. Jadi keadaan ini sukar untuk dikawal apatah lagi hutan adalah kawasan yang berisiko tinggi sekiranya berlaku kemalangan," katanya.

Mohd Yussainy berkata, mana-mana individu yang didapati gagal mematuhi larangan penguatkuasaan ini boleh disabitkan mengikut Akta Perhutanan Negara, Seksyen 47 (1) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Terdapat sebanyak 113 TER dan 14 hutan taman negeri yang terdapat di seluruh Semenanjung di bawah pengawasan jabatan itu. – BERNAMA